



FAQ Pakej P-Hailing RAHMAH

1. Apakah itu Pakej P-Hailing RAHMAH?

Pakej *P-Hailing* RAHMAH adalah tawaran pelan sim khusus untuk semua pemandu dan penunggang *P-Hailing* warganegara Malaysia. Pakej ini adalah hasil kerjasama strategik di antara syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) yang terlibat iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, TM Tech (Unifi Mobile) dan YTL Communications (Yes 5G) dan 16 penyedia platform P-Hailing di Malaysia yang berkenaan, bertujuan bagi menghargai jasa para pemandu dan penunggang *P-Hailing*.

2. Apakah tawaran bagi Pakej P-Hailing RAHMAH?

- i. Pemandu dan penunggang *P-Hailing* boleh menikmati perkhidmatan internet “pada harga serendah RM33 dengan/atau pelan data sekurang-kurangnya 40GB”; dan
- ii. Setiap Pakej adalah unik dan berbeza mengikut persetujuan pihak telco yang dipilih oleh penyedia platform *P-Hailing* masing-masing (*B2B arrangement*).

3. Siapakah yang layak untuk melanggan Pakej P-Hailing RAHMAH?

Pelan Pakej P-Hailing RAHMAH ini terbuka kepada semua pemandu dan penunggang *P-Hailing* warganegara Malaysia yang berdaftar di bawah penyedia platform P-Hailing yang terlibat. Syarat-syarat langganan adalah tertakluk kepada terma dan syarat telco.

- 4. Adakah pemandu & penunggang *P-Hailing* yang masih terikat dengan pakej kontrak peranti (*device bundle*) dengan mana-mana telco yang terlibat boleh melanggan Pakej *P-Hailing* RAHMAH?**

Ya. Pemandu & penunggang *P-Hailing* yang masih terikat dengan pakej kontrak peranti (*device bundle*) masih boleh melanggan Pakej *P-Hailing* RAHMAH dengan membuat langganan pelan sim baharu.

- 5. Adakah pemandu & penunggang *P-Hailing* yang kini melanggan mana-mana pelan sim dan terikat dengan pakej *enterprise* sedia ada boleh melanggan pakej ini?**

Ya. Pemandu & penunggang *P-Hailing* yang kini melanggan mana-mana pelan sim dan terikat dengan pakej *enterprise* sedia ada boleh melanggan pakej, namun tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui di antara telco dan penyedia platform *P-Hailing*.

- 6. Adakah pendaftaran Pakej *P-Hailing* RAHMAH tertakluk kepada kontrak?**

Tidak, Pakej *P-Hailing* RAHMAH ini tidak mempunyai kontrak terikat dan pengguna boleh membatalkannya pada bila-bila masa dengan penalti minimum untuk pelan simkad sahaja.

- 7. Di manakah pemandu dan penunggang *P-Hailing* boleh mendapat notifikasi mengenai tawaran Pakej *P-Hailing* RAHMAH?**

Memandangkan perkara ini melibatkan urusan *business to business* (B2B), pemandu dan penunggang *P-Hailing* yang layak akan dikenal pasti oleh penyedia platform *P-Hailing* masing-masing dan pelawaan untuk melanggan pakej boleh didapati melalui pautan notifikasi aplikasi masing-masing tanpa memerlukan kehadiran secara fizikal ke cawangan telco.

8. Bagaimanakah sekiranya pemandu dan penunggang P-Hailing tidak mendapat sebarang notifikasi mengenai tawaran Pakej P-Hailing RAHMAH?

Sekiranya terdapat aduan berhubung ketiadaan pelawaan untuk melanggan pakej P-Hailing, aduan boleh dipanjangkan kepada penyedia platform P-Hailing masing-masing.

9. Apakah senarai penyedia platform P-Hailing yang boleh melanggan Pakej ini?

- | | | |
|--------------------|------------------------|-----------------|
| i. FoodPanda; | vii. MatDespatch; | xiii. Belibeli; |
| ii. Grab; | viii. Parcel365; | xiv. iGoGet; |
| iii. Bungkusit; | ix. RideRunner; | xv. GoGet; dan |
| iv. Halo Delivery; | x. Shopee; | xvi. GoLog. |
| v. iHantar; | xi. Fasz Food; | |
| vi. Lalamove; | xii. Lazada Logistics; | |

10. Bilakah Pakej P-Hailing RAHMAH akan mula ditawarkan?

Pakej ini ditawarkan bermula pada 23 Januari 2024 sehingga 23 April 2024.

11. Bagaimanakah pemandu & penunggang P-Hailing boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Pakej P Hailing RAHMAH ini?

Pemandu & penunggang P-Hailing boleh menghubungi penyedia platform P-Hailing masing-masing.

Nota: FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Pakej P-Hailing RAHMAH. Setiap telco akan mengeluarkan FAQ terperinci (sekiranya perlu) bagi penawaran Pakej P-Hailing RAHMAH

Tarikh kemaskini: 17/1/24, 2.38 petang

berdasarkan tawaran dan strategi jualan masing-masing dan boleh diperolehi melalui penyedia platform P-Hailing masing masing.